



QUALITY THROUGH NDT

**MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MSNT KE-36 (2025)**

**TARIKH: 23 APRIL 2025**

**HARI: RABU**

**MASA: 8.00 AM – 1.00 PM**

**TEMPAT: MELATI ROOM, LEVEL 2, BANGI RESORT  
HOTEL, BANGI, SELANGOR**

*36<sup>th</sup> MSNT ANNUAL GENERAL MEETING (2025)*

*DATE: APRIL 23<sup>rd</sup>, 2025*

*DAY: WEDNESDAY*

*TIME: 8.00 AM – 1.15 PM*

*VENUE: MELATI ROOM, LEVEL 2, BANGI RESORT HOTEL, BANGI,  
SELANGOR*

**KOMPILASI DOKUMEN**

**(AGENDA, MINIT MESYUARAT AGM KE-35, LAPORAN  
SETIAUSAHA, KEWANGAN, JAWATANKUASA, DAN USUL)**

*COMPILATION OF DOCUMENTS (AGENDA, MINUTES OF THE 35<sup>TH</sup> AGM,  
SECRETARY'S REPORT, FINANCIAL REPORT, COMMITTEE, AND MOTIONS)*

[www.msnt.org.my](http://www.msnt.org.my)

## ISI KANDUNGAN

AHLI LEMBAGA PENGARAH MSNT 2024 - 2026.....	3
AGENDA AGM KE-36 .....	4
MENGESAHKAN MINIT AGM MSNT KE-35.....	5
LAPORAN SETIAUSAHA MSNT (MEI 2024 – APRIL 2025) .....	15
LAPORAN KEWANGAN MSNT (JANUARI 2024 – DISEMBER 2024) .....	23
LAPORAN-LAPORAN JAWATANKUASA MSNT (MAY 2023 – APRIL 2024) .....	29
LAPORAN JAWATANKUASA PENERBITAN DAN PENGURUSAN MAKLUMAT MSNT .....	29
LAPORAN JAWATANKUASA TEKNOLOGI DAN PENYELIDIKAN MSNT .....	34
LAPORAN JAWATANKUASA ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN MSNT.....	37
LAPORAN JAWATANKUASA PENASIHAT DAN TEKNIKAL MSNT (MEI 2024 – APRIL 2026) .....	38
LAPORAN JAWATANKUASA LATIHAN DAN PERSIJILAN (MEI 2024 – APRIL 2025).....	40
LAPORAN JAWATANKUASA KEAHLIAN DAN PERHUBUNGAN AWAM MSNT (2024-2025) .....	43

## AHLI LEMBAGA PENGARAH MSNT 2024 - 2026 2024 – 2026 MSNT BOARD OF DIRECTORS

<b>Board Member</b>	<b>Committee</b>
<b>Presiden <i>President</i></b>	Dr. Ilham Mukriz Bin Zainal Abidin (Agensi Nuklear Malaysia)
<b>Timbalan Presiden <i>Vice President</i></b>	En. Wan Abdullah Bin Wan Hamat (PETRONAS)
<b>Setiausaha <i>Secretary</i></b>	Dr. Khairul Anuar Bin Mohd Salleh (Agensi Nuklear Malaysia)
<b>Bendahari <i>Treasurer</i></b>	En. Amry Amin Bin Abas (Agensi Nuklear Malaysia)
<b>Ahli Lembaga <i>Board Members</i></b>	Mr. Royce Wong (Advantech Alliance Sdn. Bhd.) Mr. Muhammad Lutfi Ibrahim (TNB Labs Sdn. Bhd.) Mr. Saharudin Kambari (NDE Consultancy Sdn. Bhd.) Mr. Mohd Alamin Pardi (Epic Aero Sdn. Bhd.) Mr. Ahmad Zamri Sulaiman (ITC Skills Development Sdn. Bhd.) Dr. Ab. Razak Hamzah (Independent Consultant) Mr. Shahfuan Hanif Ahmad Hamidi (UniKL-MFI) Ms. Siti Rifhan Kama Asnawi (G7 Aerospace)
<b>Juruaudit <i>Auditors</i></b>	Dr. Nurul A'in Ahmad Latif (Agensi Nuklear Malaysia) Dr. Tamil Moli Loganathan (Politeknik Banting Selangor)

## AGENDA AGM KE-36 36<sup>th</sup> AGM AGENDA

- 8.00 – 9.00 **Pendaftaran**  
*Registration*
- 9.00 – 9.15 **Kata aluan Presiden MSNT**  
*Welcoming Remarks by the MSNT President*
- 9.15 – 10.00 **Pembentangan Teknikal bersempena dengan AGM MSNT ke-36**  
*Technical Presentation in conjunction with MSNT's 36th AGM*
- 10.00 – 10.30 **Rehat**  
*Morning Break*
- 10.30 – 1.00 **Sesi Mesyuarat Agung Tahunan**  
*Annual General Meeting session*
- Mengesahkan minit AGM MSNT ke-35  
*Approval of the 35<sup>th</sup> MSNT AGM Minutes*
  - Perkara berbangkit  
*Matters raised*
  - Laporan Setiausaha MSNT (Mei 2024 – April 2025)  
*MSNT Secretary Report (May 2024 – April 2025)*
  - Laporan Kewangan MSNT (Januari 2024 – Disember 2024)  
*MSNT Treasury Report (January 2024 – December 2024)*
  - Laporan-laporan Jawatankuasa MSNT (Mei 2024 – April 2025)  
*MSNT Committee Reports (May 2024 – April 2025)*
  - Membentang dan membahaskan usul  
*Presentation and debate on proposed motions*
  - Hal-hal lain  
*Other matters*
  - Majlis Anugerah & Pengiktirafan MSNT 2024  
*MSNT 2024 Award & Recognition Ceremony*
- 1.00 - 1.15 **Fotografi Berkumpulan**  
*Group Photography*
- 1.15 – 2.30 **Makan Tengahari**  
*Lunch*

## MENGESAHKAN MINIT AGM MSNT KE-35 APPROVAL OF 35<sup>th</sup> MSNT AGM MINUTE

### 1. Kehadiran

Bil	Nama
1	Ab. Razak Hamzah, Dr
2	Abd. Nassir Ibrahim, Dr
3	Abdul Quddoos Abu Bakar
4	Ahmad Naim Bin Ahmad Nazri
5	Ahmad Zamri Sulaiman
6	Airee Afiq Abd Rahim
7	Amir Amrullah Azahari
8	Amry Amin Abas
9	Ang Chee Kheong
10	Asyraf Arif Abu Bakar
11	Azmi Idris, Dr
12	Badrol Ahmad, Dr
13	Bahari Abd Hamid
14	Chang Siang Chak, Dr
15	Denis Geong
16	Eliza M Yusup, Dr
17	Engku Mohd Fahmi Engku Chik
18	Fatin Amyrah Hassan
19	Firdaus Idin
20	Gangatharan Kaniapan
21	Hj. Mohd. Subari Selamat
22	Hasnul Hadi Hashim
23	Ilham Mukriz Zainal Abidin, Dr
24	Jeffry Jamil
25	Khairul Anuar Abd Wahid, Dr
26	Khairul Anuar Mohd Salleh, Dr
27	Khaleda Yasmen Bt Khalid
28	Khazali Hj. Mohd Zin, Dr
29	Lahasen @ Normanshah Dahing
30	Lee Han Chung
31	Leong Chee Hon
32	Loo Chee Sing
33	Luqman Hakim Chandran Rajasingam
34	Mazian Mohammad, Dr
35	Mazlan Shah, Dr
36	Mohammad Azmir Zahir Abu Bakar
37	Mohd Al-Amin Anuar
38	Mohd Alamin Pardi
39	Mohd Amirul Syafiq Mohd Yunos, Dr
40	Mohd Asrul Minhat
41	Mohd Fitri Abdul Rahman, Dr
42	Mohd Hairi Hamzah
43	Mohd Irwan Shah Mohd Rabu
44	Mohd Noor Baharin
45	Mohd Shahrul Azli Yahya
46	Mohd Zulfatfi Zainal
47	Muhammad Adharuddin Abd. Rahman
48	Muhammad Aslam Abdul Rashid
49	Muhammad Muhsin Mohd Yazid
50	Muhammad Shafiq Afizan Abd Zahari
51	Muhammad Shazwan Khir Mohd Rizal
52	Mursyidi Mohammad
53	Mustaqim Abdul Manaf
54	Nazaruddin Dato' Razali
55	Noorhazleena Azaman
56	Nor Hafzan Sarah Bt Almuin
57	Norazah Abd Rahman, Prof
58	Nurul A'In Ahmad Latif, Dr
59	Nuurul Akhyar Rozikin
60	Royce Wong Chee Moong
61	Ruhaizal Hafiz Said
62	Saharudin Kambari
63	Sapizah Rahim, Dr
64	Shahfuan Hanif Ahmad Hamidi
65	Siti Nur Najihah Binti Meor Kamarulzaman
66	Siti Rifhan
67	Sri Yulis M Amin, Dr
68	Subhi Radzuan
69	Syaza Adani Ahmad Shahrul Aimee
70	Tamil Moli Loganathan, Dr
71	W. Nazrul Faizal
72	Wan Mohd Husni Mohd Nasihuddin
73	Zulaika Ainis Zakaria
74	Zulfahmy Awaldin
75	Zulkhairi Amin Zakaria

## Agenda

Waktu	Perkara
8.00 – 8.30	Pendaftaran
8.30 – 8.45	Kata-kata aluan Presiden MSNT
8.45 – 9.45	Sesi Mesyuarat Agung Tahunan <ul style="list-style-type: none"><li>• Mengesahkan minit AGM MSNT ke-34</li><li>• Perkara berbangkit</li></ul>
9.45 – 10.00	Minum Pagi
10.00 – 12.00	Sesi Mesyuarat Agung Tahunan (samb.) <ul style="list-style-type: none"><li>• Laporan Setiausaha MSNT (April 2023 – April 2024)</li><li>• Laporan Kewangan MSNT (Januari 2023 – Disember 2023)</li><li>• Laporan-laporan Jawatankuasa MSNT (April 2023 – April 2024)</li><li>• Membentang dan membahaskan usul</li><li>• Hal-hal lain</li></ul>
12.00 – 12.30	Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah MSNT (BOD) untuk April 2024 – April 2026
12.30 – 12.45	Ucapan Penutup Presiden MSNT yang baru
12.45 – 1.00	Sesi fotografi berkumpulan
1.00 – 2.00	Merarau

## 2. Bacaan Doa

Bacaan doa telah disempurnakan oleh Dr. Khairul Anuar Abdul Wahid.

## 3. Kata-kata aluan Presiden MSNT

Assalamualaikum dan selamat pagi sidang hadirin semua, saya bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah MSNT mengucapkan selamat datang kepada semua ahli yang menghadiri mesyuarat kita pada pagi ini. Alhamdulillah dengan izin Allah kita dapat berkumpul dan bermesyuarat, merancang dan melihat aktiviti yang dijalankan oleh MSNT. AGM ini merupakan satu landasan untuk kita sama-sama berkumpul setahun sekali, berjumpa rakan-rakan lama dan baru untuk kita mengembangkan rangkaian di kalangan komuniti NDT di Malaysia.

Pada AGM kali ini, selain kita melihat aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan pada tahun 2023, kita juga akan mengadakan pemilihan Ahli Lembaga Pengarah baru bagi sesi 2024-2026. Jadi saya mohon pada semua ahli yang hadir memilih Ahli Lembaga Pengarah yang baru agar mereka boleh memikul tanggungjawab untuk memastikan aktiviti-aktiviti MSNT dapat dilaksanakan dengan efektif.

Pada jadual yang dirancang, sepatutnya kita bermula jam 8.30 pagi, namun kebiasaannya kita bermula pada jam 9.00 pagi. Bagaimanapun, kita akan mencuba yang terbaik untuk mengikut jadual yang dirancang dan terdapat sedikit perubahan iaitu, sebelum rehat nanti kita akan adakan sesi fotografi terlebih dahulu. Kita akan sambung dengan laporan dan seterusnya pemilihan Ahli Lembaga Pengarah yang baru.

Sebelum kita memulakan mesyuarat kita pada pagi ini, izinkan saya berkongsi dan membuat sorotan beberapa perkara yang boleh memberi maklumat dan manfaat kepada ahli. Perkara pertama ialah berkaitan dengan 20<sup>th</sup> World Conference of Non-Destructive Testing (20<sup>th</sup> WCDNT) yang akan berlangsung pada 27-31 Mei 2024 di Incheon, Korea Selatan. Persidangan empat tahun sekali ini

dianjurkan oleh *The International Committee for Non-Destructive Testing* (ICNDT) dan tuan rumah bagi edisi kali ke-20 ini adalah *Korean Society for Nondestructive Testing* (KSNT). Pada asalnya, persidangan ini sepatutnya dilangsungkan pada tahun 2020. Namun disebabkan oleh pandemik Covid-19 ianya telah ditunda beberapa kali dan akhirnya pada tahun 2022 Jawatankuasa Penganjur telah memutuskan untuk mengadakan 20<sup>th</sup> WCNDT pada 2024. Alhamdulillah, kami telah dimaklumkan bahawa semua persediaan telah berjalan dengan baik dan lancar. InshaAllah MSNT akan menghantar delegasi kita sebagai sokongan kepada penganjuran 20<sup>th</sup> WCNDT dan kita berharap beberapa ahli MSNT akan terlibat sama sebagai pempamer, pembentang kertas kerja dan peserta. Sekiranya mana-mana ahli yang ke 20<sup>th</sup> WCNDT inshaAllah kita akan berjumpa disana.

Perkara kedua ialah berkenaan 7<sup>th</sup> Malaysia International NDT Conference and Exhibition (7<sup>th</sup> MINDTCE) anjuran MSNT yang akan berlangsung pada 20 dan 21 Ogos 2024 di Sunway Resort Hotel. Untuk makluman semua, pada persidangan kali ini kita menawarkan 49 gerai pameran dan Alhamdulillah kesemuanya telah habis dijual dalam masa dua bulan. Terima kasih diucapkan kepada semua ahli MSNT diatas sokongan itu. Kami tidak menjangkakan penjualan kesemua gerai pameran 7<sup>th</sup> MINDTCE dalam tempoh masa yang singkat. Kita berharap dengan adanya 49 gerai pameran ini, acara kita akan menjadi lebih meriah. MINDTCE kita sebelum ini boleh dikatakan persidangan yang paling berjaya kerana kita menerima kehadiran lebih daripada 1100 orang, jadi kali ini kita berharap kita boleh mencapai sasaran yang sama ataupun lebih baik lagi.

Saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa pihak Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah bersetuju untuk menjadi Penaja Platinum untuk 7<sup>th</sup> MINDTCE dan kita juga ada beberapa *Diamond Sponsor* iaitu Advantech Alliance Sdn Bhd, Melchers Measurement and Testing Sdn Bhd, Lingtec Sdn Bhd dan Scientex Sdn Bhd. Kita juga ada Energy Workforce Group sebagai *Badge Sponsor*. Terima kasih diucapkan kepada semua penaja, kita masih ada lagi beberapa pakej penajaan yang tersedia. Mana-mana ahli ataupun syarikat yang ingin menyertai 7<sup>th</sup> MINDTCE sebagai penaja boleh menghubungi jawatankuasa sekretariat 7<sup>th</sup> MINDTCE. Kami juga berharap ahli dapat meluangkan masa melawat pameran kerana akses ke ruang pameran adalah percuma, sesiapa sahaja juga boleh melawat pameran tersebut. Untuk persidangan, sesiapa yang berminat boleh mendaftar di laman web 7<sup>th</sup> MINDTCE iaitu <https://mindtce.com.my/>. Kami mengharapkan sokongan semua ahli untuk datang dan memeriahkan acara ini.

Perkara ketiga ialah berkaitan NDT untuk *Civil Structure* ataupun *Civil Engineering* (NDT-CE), dalam tempoh 2-3 tahun lepas, *International Atomic Energy Agency* (IAEA) dan juga ICNDT sedang fokus kepada NDT untuk Civil Structure. Berbanding dengan bidang minyak dan gas, penjaan tenaga, keretapi, pembuatan, bidang NDT-CE agak terpulau dan tiada lagi standard untuk pekerja. Jadi pihak IAEA dan ICNDT telah bekerjasama membangunkan satu dokumen silibus yang akan diterbitkan dalam masa terdekat. Pihak ICNDT telah mewujudkan tiga kumpulan kes khas antarabangsa untuk memerhati pada standard, teknologi pengimejan dan teknologi masa kini berkaitan NDT-CE. Berdasarkan situasi yang berlaku di seluruh dunia, MSNT telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan Jabatan Standard Malaysia untuk membangunkan standard keperluan pekerja dan MSNT juga bekerjasama dengan JPK untuk membangunkan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) untuk NDT-CE. Kita akan mula fokus pada tiga teknik yang telah pun digunakan iaitu GPR, Ultrasonic Pulse Velocity (UPV) dan Rebound Hammer. Mudah-mudahan dengan adanya dokumen-dokumen NOSS dan standard ini kita dapat memulakan latihan dan pensijilan untuk NDT-CE di Malaysia berkemungkinan paling awal pada tahun depan atau tahun selepasnya. Perkara ini bukan sahaja dititikberatkan oleh MSNT sahaja, malah JKR Putrajaya telah menghubungi saya dan memaklumkan

bahawa keperluan NDT telah dimasukkan didalam salah satu *Building Inspection Schedule* (BIS) mereka. JKR telah bangunkan dokumen tersebut dan meminta MSNT melihat dokumen itu untuk diselaraskan dengan keperluan yang ditetapkan oleh ICNDT dan IAEA.

Di seluruh dunia, hanya ada dua negara sahaja yang menawarkan latihan dan pensijilan untuk NDT-CE iaitu Jerman dan Itali. Jadi kita harap, Malaysia akan jadi negara yang ketiga di dunia yang menyediakan latihan dan pensijilan untuk NDT-CE. Mereka yang bekerja dalam bidang Kejuruteraan Awam turut mengatakan terdapat keperluan pekerja yang kompeten yang melibatkan kelayakan dan pensijilan. Oleh itu kita cuba mewujudkan struktur begini di Malaysia. Mudah-mudahan usaha kita ini akan mendatangkan hasil.

Perkara terakhir ialah berkenaan dengan Jawatankusa Kecil (JK) MSNT. Pada AGM kita yang lepas terdapat permintaan daripada beberapa ahli untuk terlibat dengan JK MSNT yang berperanan untuk merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti dibawah MSNT. Pada masa ini kita ada lima JK MSNT iaitu JK Penerbitan & Pengurusan Maklumat, JK Keahlian & Perhubungan Awam, JK Teknologi & Penyelidikan, JK Penasihat & Teknikal dan JK Latihan & Persijilan. Semasa rehat nanti, Hafzan akan sediakan beberapa helaian kertas jadi mereka yang berminat boleh menulis nama anda di lampiran berkenaan. Kemudian nama-nama itu kita akan pertimbangkan untuk lantikan dalam JK. Anda boleh sumbangkan idea, sumber dan masa anda untuk memastikan MSNT dapat menjalankan aktiviti-aktiviti.

Itulah empat perkara yang saya dapat kongsi pada pagi ini, iaitu yang pertama berkaitan 20<sup>th</sup> WCNDT, kedua 7<sup>th</sup> MINDTCE yang akan berlangsung pada 20-21 Ogos 2024 nanti, ketiga NDT untuk *Civil Structure* ataupun *Civil Engineering* dan yang terakhir berkenaan Jawatankusa Kecil MSNT. Dengan itu saya sudahi ucapan pembukaan pada pagi ini dan selamat bermesyuarat kepada semua.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

#### **4. Mengesahkan minit AGM MSNT ke-34 (2023) dan perkara berbangkit**

Mesyuarat dipengerusikan oleh Dr. Ilham Mukriz sebagaimana dinyatakan dalam Perlembagaan:

*Article VI, Section 1 – President shall preside at all annual and special meetings of the Society and shall be an ex-officio member of all sub committee.*

Tiada bantahan diterima oleh ahli yang hadir.

Pengerusi seterusnya membacakan minit AGM MSNT ke-34.

Mesyuarat bersetuju minit AGM MSNT ke-34 disahkan tanpa sebarang pindaan.

Pencadang: Dr. Mazlan Shah

Penyokong: Dr. Nurul A'in Ahmad Latif

#### **Perkara berbangkit yang disuarakan oleh ahli-ahli:**

a) En. Jeffry Jamil bertanya samada MSNT boleh mempertimbangkan untuk membuat satu program penjelasan berkenaan SNT-TC-1A.

Respon Ahli Lembaga Pengarah MSNT



R1. Dr. Ilham Mukriz Zainal Abidin memaklumkan bahawa secara umumnya pensijilan ini adalah samada skim pensijilan berpusat ataupun skim pensijilan berasaskan majikan. Oleh itu majikan yang bertanggungjawab memastikan pekerja mereka kompeten. Bagaimanapun, pada 7<sup>th</sup> MINDTCE nanti kita berharap mendapat penyertaan daripada ASNT dan kita akan mohon supaya ASNT dapat membuat pembentangan berkenaan skim ini. ASNT juga telah memperkenalkan ASNT-9712 pada tahun ini dan menuju ke arah skim pensijilan berpusat ini bagi mengelakkan seorang pekerja NDT perlu memiliki lebih daripada satu sijil, contohnya sijil UT daripada JPK, CSWIP, PCN. Sekiranya semua persijilan itu berdasarkan ISO 9712, hanya satu sijil memadai. ICNDT sedang kearah mengharmonikan perkara ini dan ia telah diterima beberapa negara seperti Sri Lanka, Australia dan di Malaysia pula JPK mula membuka peluang kepada pemegang pensijilan PCN atau CSWIP untuk menukar kepada SKM. Bagaimanapun MSNT juga akan cuba menganjurkan satu webinar berkaitan SNT-TC-1A.

R2. Hj. Shaharudin Kambari memaklumkan SNT-TC-1A akan disemak semula setiap enam tahun sekali, yang terbaru ialah pada tahun 2020. Dari segi persijilan, majikan perlu menyemak samada latihan SNT-TC-1A yang disediakan itu sesuai atau tidak dengan keperluan aplikasi syarikat mereka. Secara umumnya persijilan secara dalaman adalah tanggungjawab majikan pada pekerja mereka, ianya spesifik kepada kegunaan syarikat itu sendiri.

## 5. Pembentangan dan meluluskan Laporan tahunan April 2023 – April 2024

Laporan tahunan dimulakan dengan laporan daripada Setiausaha (Lampiran 1), diikuti oleh laporan kewangan oleh Bendahari (Lampiran 2), seterusnya laporan daripada setiap Jawatankuasa Kecil (JK) MSNT iaitu laporan oleh Pengerusi JK Penerbitan dan Pengurusan Maklumat (Lampiran 3), laporan oleh Pengerusi JK Latihan Dan Persijilan (Lampiran 4), laporan oleh Pengerusi JK Penasihat & Teknikal (Lampiran 5), laporan oleh Pengerusi JK Keahlian dan Perhubungan Awam (Lampiran 6), dan diakhiri dengan laporan oleh Pengerusi JK Teknologi dan Penyelidikan (Lampiran 7).

### I. Laporan Setiausaha MSNT (Mei 2023 – April 2024)

- a) Laporan telah dibentangkan oleh Setiausaha iaitu Dr. Khairul Anuar Mohd Salleh.  
Makluman
- b) Tiada komen dan perkara berbangkit yang disuarakan oleh ahli-ahli.  
Makluman

Laporan Setiausaha ini seterusnya dicadang untuk disahkan dan telah disokong oleh :  
Pencadang : Dr. Abd Nassir Ibrahim (Madani Training & Consultancy Sdn Bhd)  
Penyokong : Haji Mohd. Subari Selamat (Nusantara Technology Sdn Bhd)

### II. Laporan Kewangan (Januari 2023 – Disember 2023)

- a) Penyata kira-kira berakhir Disember 2023 telah dibentangkan oleh Bendahari, En. Amry Amin bin Abas.  
Makluman
- b) Dr. Ab Razak Hamzah bertanya samada akaun bank CIMB MSNT masih aktif lagi atau tidak, dan mengapa tidak digunakan untuk akaun MINDTCE.

#### Respon Ahli Lembaga Pengarah MSNT

R1. En. Amry Amin Abas menyatakan bahawa MINDTCE menggunakan akaun Bank Islam kerana terdapat kemudahan sistem atas talian yang lebih efisien untuk beroperasi.

Makluman

Laporan ini seterusnya dicadang untuk disahkan dan telah disokong oleh :  
Pencadang : Dr. Sri Yulis M Amin (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia)  
Penyokong : Dr. Badrol Ahmad (Damask Material Solutions Sdn Bhd)

## 6. Laporan Jawatankuasa Kecil (JK) MSNT (Mei 2023 – April 2024)

### I. Laporan JK Penerbitan dan Pengurusan Maklumat

a) Laporan telah dibentangkan oleh pengerusi Jawatankuasa, Dr. Khairul Anuar Mohd Salleh.  
*Makluman*

b) Tiada komen dan perkara berbangkit yang disuarakan oleh ahli-ahli.  
*Makluman*

Laporan ini seterusnya dicadang untuk disahkan dan telah disokong oleh :  
Pencadang : Dr. Tamil Moli Loganathan (Politeknik Banting)  
Penyokong : Dr. Mohd Amirul Syafiq Mohd Yunos (Agensi Nuklear Malaysia)

### II. Laporan JK Latihan Dan Persijilan

a) Laporan telah dibentangkan oleh pengerusi Jawatankuasa, Hj. Ahmad Zamri Sulaiman.  
*Makluman*

b) Dr. Abd Nassir Ibrahim memaklumkan terdapat beberapa kes bahawa JPK tidak dapat menjalankan mesyuarat untuk peperiksaan atas sebab-sebab tertentu. Ini menyebabkan pemegang sijil tidak dapat memperbaharui sijil mereka dalam masa yang ditetapkan dan kesannya syarikat tidak dapat beroperasi (lesen tamat tempoh). MSNT dipohon agar memaklumkan kepada JPK kesan perundangan ini.

#### Respon Ahli Lembaga Pengarah MSNT

R1. Dr. Khazali Mohd Zin memaklumkan perkara ini akan dipanjangkan kepada JPK dan Jabatan Tenaga Atom untuk dilihat secara keseluruhan.

R2. Dr. Ilham Mukriz Zainal Abidin memaklumkan bahawa jika isu ini benar berlaku, aduan akan diketengahkan kepada JPK. Jika diikutkan pemohon perlu menghantar permohonan pembaharuan 6 bulan sebelum tamat tempoh. JPK juga telah menyediakan sistem mySPIKE yang mempunyai sistem pemberitahuan awal.

*Ahli Lembaga Pengarah MSNT*

c) Dr. Abd Nassir Ibrahim memaklumkan JPK telah menganjurkan pensijilan dari Tahap 2 ke Tahap 3 tanpa latihan kerana kekurangan pemegang sijil Tahap 3.

#### Respon Ahli Lembaga Pengarah MSNT

R1. Dr. Ilham Mukriz memaklumkan JPK tidak teruskan perkara tersebut kerana ianya melanggar ISO dan JPK juga bukanlah penyedia latihan. JPK akan bekerjasama dengan ADTEC dimana ADTEC akan menyediakan latihan dan sijil akan dikeluarkan oleh JPK. Perkara ini dibincangkan lanjut dengan JK Latihan & Persijilan MSNT.

*JK Latihan & Persijilan*

Laporan ini seterusnya dicadang untuk disahkan dan telah disokong oleh :  
Pencadang : En. Jeffry Jamil (Altec Industrial & Engineering Supply Sdn Bhd)  
Penyokong : Hj. Mohd Subari Selamat (Nusantara Technology Sdn Bhd)

III. Laporan JK Penasihat dan Teknikal

a) Laporan telah dibentangkan oleh pengerusi Jawatankuasa, Dr. Ab Razak Hamzah  
*Makluman*

b) Tiada komen dan perkara berbangkit yang disuarakan oleh ahli-ahli.  
*Makluman*

Laporan ini seterusnya dicadang untuk disahkan dan telah disokong oleh :  
Pencadang : En. Jeffry Jamil (Altec Industrial & Engineering Supply Sdn Bhd)  
Penyokong : Hj. Mohd Subari Selamat (Nusantara Technology Sdn Bhd)

IV. Laporan JK Keahlian dan Perhubungan Awam

a) Laporan telah dibentangkan oleh pengerusi Jawatankuasa, En. Amry Amin Abas.  
*Makluman*

b) Tiada komen dan perkara berbangkit yang disuarakan oleh ahli-ahli.

Laporan ini seterusnya dicadang untuk disahkan dan telah disokong oleh :  
Pencadang : En. Ruhaizal Hafiz (C. Melchers GmbH & Co.)  
Penyokong : En. Bahari Abd Hamid (Intestmal Corporation Sdn Bhd)

V. Laporan JK Teknologi dan Penyelidikan

a) Laporan telah dibentangkan oleh pengerusi Jawatankuasa, En. Shahfuan Hanif Ahmad Hamidi.  
*Makluman*

b) Tiada komen dan perkara berbangkit yang disuarakan oleh ahli-ahli.  
*Makluman*

Laporan – laporan Jawatankuasa Kecil ini seterusnya dicadang untuk disahkan dan telah disokong oleh:

Pencadang: Dr. Eliza M Yusup (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia)  
Penyokong: Dr. Mazian Mohammad (Universiti Teknologi Petronas)

## 7. Membentangkan dan Membahaskan Cadangan Serta Usul

Dr. Ilham Mukriz Zainal Abidin memaklumkan tiada cadangan dan usul berkaitan perlembagaan yang diterima.

*Makluman*

## 8. Hal-hal Lain

Tiada hal-hal lain yang disuarakan oleh ahli-ahli.

*Makluman*

## 9. Pembubaran Ahli Lembaga Pengarah MSNT sesi 2022 – 2024

Ahli Lembaga Pengarah MSNT sesi 2022-2024 telah dibubarkan oleh Dr. Ilham Mukriz Zainal Abidin. Dr. Nurul A'in Ahmad Latif dilantik sebagai pengerusi pemilihan Ahli Lembaga Pengarah MSNT sesi 2024-2026 dengan dibantu oleh En. Amry Amin Abas, En. Shahfuan Hanif Ahmad Hamidi, Pn. Nor Hafzan Sarah Almuin, Cik Noorhazleena Azaman dan En. Arshad Yassin.

## 10. Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah MSNT sesi 2024 – 2026

Pemilihan ahli lembaga baru dibuat berdasarkan kaedah yang dinyatakan dalam perlembagaan seperti yang dinyatakan Artikel VIII dan X.

### ARTICLE VIII-MEETINGS OF THE SOCIETY

#### Section 5- Voting

1. Voting shall be ballot or show of hands except that voting for the Board of Directors shall be by secret ballots. Members present at meetings shall vote in person. All motions and propositions shall be carried or rejected by a majority of votes. Each ordinary member shall have one (1) vote and the Chairman shall have a Second and a casting vote.

### ARTICLE X-ADMINISTRATION

#### Section 4-Elections

2. A special committee consisting of at least three (3) members shall be appointed by the President to screen and prepare a list of candidates for various offices coming from nominations from the membership and the list of qualified members who are willing to be candidates.
3. The report of the committee giving the selection of candidates shall be submitted to Secretary of the Society not later than twenty (20) days before the Annual General Meeting.
4. Nominees for the various offices shall be announced in the notice for the Annual General Meeting. The voting shall be carried out by a secret ballot.

Kertas undi diedarkan kepada ahli untuk membuat pemilihan secara undi rahsia.

Berikut ialah keputusan pengundian bagi sesi 2024-2026:

<b>Presiden</b>	<b>SILA PILIH SEORANG UNTUK JAWATAN PRESIDEN</b>	
	Dr. Ilham Mukriz Zainal Abidin (Agensi Nuklear Malaysia)	54
<b>Timbalan Presiden</b>	<b>SILA PILIH SEORANG UNTUK JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN</b>	
	En. Wan Abdullah Wan Hamat (PETRONAS)	54
<b>Setiausaha</b>	<b>SILA PILIH SEORANG UNTUK JAWATAN SETIAUSAHA</b>	
	Dr. Khairul Anuar Mohd Salleh (Agensi Nuklear Malaysia)	54
<b>Bendahari</b>	<b>SILA PILIH SEORANG UNTUK JAWATAN BENDAHARI</b>	
	En. Amry Amin Abas (Agensi Nuklear Malaysia)	53
<b>Ahli Lembaga Pengarah</b>	<b>SILA PILIH ENAM ORANG UNTUK AHLI LEMBAGA PENGARAH</b>	
	1. Dr. Ab. Razak Hamzah (MADANI Training & Consultancy Sdn Bhd)	42

	2. Dr. Abd. Nassir Ibrahim (MADANI Training & Consultancy Sdn Bhd)	26
	3. Hj. Ahmad Zamri Sulaiman (ITC Skills Development)	44
	4. En. Mohd Alamin Pardi (Epic Aero)	37
	5. Dr. Muhammad Nur Farhan Saniman (UniKL-MFI)	23
	6. En. Muhammad Lutfi Ibrahim (TNB Labs)	33
	7. En. Muhammad Shafiq Afizan Zahari (G7 Aerospace)	23
	8. En. Royce Wong (Advantech Alliance Sdn Bhd)	37
	9. Hj. Saharudin Kambari (NDE Consultancy Services Sdn Bhd)	32
	10. En. Shahfuan Hanif Ahmad Hamidi (UniKL-MFI)	28
	11. Cik Siti Rifhan Kama Asnawi (G7 Aerospace)	28
<b>Juruaudit Dalam</b>	<b>SILA PILIH DUA ORANG UNTUK JURUAUDIT DALAMAN</b>	
	1. Dr. Ab. Razak Hamzah (Freelance, JPS)	19
	2. Puan Nurul A'in Ahmad Latif (Agensi Nuklear Malaysia)	49
	3. Hj. Shahrudin Kambari (NDE Consultancy Services Sdn Bhd)	9
	4. Dr. Tamil Moli Loganathan (Politeknik Banting)	38

Oleh itu daripada keputusan undi di atas maka Ahli Lembaga Pengarah yang baru adalah seperti berikut:

**Presiden**

Dr. Ilham Mukriz Zainal Abidin

**Naib Presiden**

En. Wan Abdullah Wan Hamat

**Setiausaha**

Dr. Khairul Anuar Mohd Salleh

**Bendahari**

En. Amry Amin bin Abas

**Ahli Lembaga Pengarah**

Hj. Ahmad Zamri Sulaiman (ITC Skills Development)  
Dr. Ab. Razak Hamzah (MADANI Training & Consultancy Sdn Bhd)  
En. Mohd Alamin Pardi (Epic Aero)  
En. Royce Wong (Advantech Alliance Sdn Bhd)  
En. Muhammad Lutfi Ibrahim (TNB Labs)  
Hj. Saharudin Kambari (NDE Consultancy Services Sdn Bhd)

**Juruaudit Dalam**

Puan Nurul A'in Ahmad Latif (Agensi Nuklear Malaysia)  
Dr. Tamil Moli Loganathan (Politeknik Banting)

**11. Ucapan Penutup Presiden MSNT**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah AGM MSNT Ke-35 telah berjalan dengan baik dan lancar. Saya mewakili MSNT ingin

mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang telah meluangkan masa untuk hadir dan memberikan komitmen ke atas aktiviti MSNT. Seperti yang kita tahu, aktiviti MSNT bukan sahaja platform bagi kita mendapatkan maklumat terkini mengenai perkembangan NDT di Malaysia dan di peringkat antarabangsa, bahkan ia juga merupakan peluang bagi kita berjumpa rakan-rakan di pelbagai bidang berkaitan NDT. Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli yang dapat hadir pada hari ni dan semoga kita semua dapat berjumpa lagi dalam aktiviti-aktiviti MSNT di masa hadapan. Assalamualaikum wbt.


Mesyuarat di tangguhkan jam 1:00 petang.

## 12. Pengesahan

Disahkan untuk dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan oleh:



.....  
Dr. Ilham Mukriz Bin Zainal Abidin  
Presiden  
Sesi 2024 – 2026



.....  
Dr. Khairul Anuar Bin Mohd Salleh  
Setiausaha  
Sesi 2024 – 2026

## LAPORAN SETIAUSAHA MSNT (MEI 2024 – APRIL 2025)

MSNT Secretary Report (May 2024 – April 2025)

### 1. Mesyuarat dan Perjumpaan oleh Ahli Lembaga Pengarah / Board of Directors (BOD)

#### 1.1. Bilangan mesyuarat BOD (Mei 2024 – April 2025)

Berikut ialah senarai mesyuarat (Jadual 1) yang telah diadakan oleh Ahli Lembaga Pengarah (BOD) MSNT.

Jadual 1: Senarai mesyuarat BOD Mei 2024 – April 2025

Bil.	Perkara	Tarikh	Tempat
1.	Mesyuarat BOD MSNT 2024-2026 Bil.1/2024	23 Mei 2024	Atas talian
2.	Mesyuarat BOD MSNT 2024-2026 Bil.2/2024	18 Julai 2024	Atas talian
3.	Mesyuarat BOD MSNT 2024-2026 Bil.3/2024	31 Disember 2024	Atas talian

Antara agenda yang telah dibincangkan dirumuskan seperti berikut:

- i. Membincangkan perkara berbangkit dari AGM MSNT Ke-35.
- ii. Pelantikan dua ahli BOD MSNT dan pelantikan pengerusi Jawatankuasa Kecil (JK) MSNT Sesi 2024-2026. Mesyuarat bersetuju individu berikut dilantik:

#### **BOD MSNT**

- a) En. Shahfuan Hanif Ahmad Hamidi (UniKL-MFI)
- b) Cik Siti Rifhan Kama Asnawi (G7 Aerospace)

#### **Pengerusi JK MSNT**

- a) JK Penerbitan dan Pengurusan Maklumat - Dr. Khairul Anuar Mohd Salleh
  - b) JK Latihan Dan Persijilan - Hj. Ahmad Zamri Sulaiman
  - c) JK Penasihat dan Teknikal - Dr. Ab Razak Hamzah
  - d) JK Keahlian dan Perhubungan Awam - En. Amry Amin Abas
  - e) JK Teknologi dan Penyelidikan - En. Shahfuan Hanif Ahmad Hamidi
  - f) JK Anugerah dan Pengiktirafan - En. Wan Abdullah Wan Hamat
- iii. Perkembangan semasa penganjuran 7th Malaysia International Non-Destructive Testing Conference and Exhibition (7th MINDTCE) pada 20-21 Ogos 2024 yang bertempat di Sunway Resort Hotel dan rancangan kerjasama dengan PETRONAS bagi penganjuran 8th MINDTCE akan datang.
  - iv. Perancangan penganjuran 18th APCNDT 2029 merangkumi pemilihan lokasi acara, promosi, penajaan, kewangan dan perkara-perkara lain.
  - v. Perjumpaan MSNT bersama Ketua Pengarah (KP) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi memaklumkan masalah berkaitan MSNT sebagai Industrial Lead Body (ILB) JPK.
  - vi. Mengadakan perbincangan dengan Standard Malaysia berkenaan akreditasi ISO 17024 merangkumi plan atau tindakan yang perlu diambil di masa hadapan untuk MSNT memantau persijilan NDT di Malaysia serta mendapatkan pandangan Standard Malaysia mengenai isu persijilan.

- vii. Pelaksanaan 'MSNT Award & Recognition 2024'.
- viii. Pelantikan semula MSNT sebagai ILB JPK.

**1.2. Bilangan penglibatan/perjumpaan/perbincangan BOD MSNT bersama agensi/organisasi lain**

Berikut ialah senarai mesyuarat (

Jadual 2) yang telah dihadiri oleh BOD MSNT bersama agensi/organisasi lain:

*Jadual 2: Senarai penglibatan/perjumpaan/perbincangan BOD mewakili MSNT bersama agensi/organisasi lain*

Bil.	Perkara	Tarikh	Tempat
1.	<i>ISO/TC 135 (Non-Destructive Testing) Meeting</i>	1-3 Jun 2024	Incheon, Korea Selatan
2.	Bengkel Sesi Libat Urus untuk Peningkatan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Tahap 6 Hingga Tahap 8: Pindaan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652]	13 Jun 2024	Hotel Pulse Grande, Putrajaya
3.	<i>Tripartite Engagement Session 2024 (Zon Timur): Greater Tvet Future Talent, Facing the Changing World of Work</i>	25 Jun 2024	AC Hotel Kuantan, Pahang
4.	Kunjungan hormat Asia-Pacific Federation for Non-Destructive Testing (APFNDT) ke Ketua Pengarah JPK	22 Ogos 2024	JPK Putrajaya
5.	Kunjungan hormat Asia-Pacific Federation for Non-Destructive Testing (APFNDT) ke Ketua Pengarah Standards Malaysia	22 Ogos 2024	Jabatan Standard Malaysia, Cyberjaya
6.	Program Penyelarasan Aktiviti Bersama Agensi Kerjasama JPK 2025	4 Februari 2025	CIAST Shah Alam
7.	Bengkel Halatuju & Penstrukturan NSC 06 Kejururuteraan Mekanikal	25-26 Februari 2025	Palm Garden Hotel, Putrajaya

**2. Penyertaan MSNT dalam Acara/Program/Aktiviti Luar**

**2.1. 20th World Conference on Non-Destructive Testing (WCNDT) 27-30 Mei 2024**

MSNT telah menyertai 20th WCNDT yang dianjurkan oleh Korean Society for Nondestructive Testing (KSNT). Acara ini telah berlangsung pada 27 hingga 31 Mei 2024 bertempat di Songdo Convensia, Incheon, Korea Selatan. MSNT juga telah menghadiri Perhimpunan Agung ke-44 ICNDT selari dengan penganjuran 20th WCNDT.



## 2.2. 9th National Seminar on Material and Structural Integrity

Seminar anjuran Malaysian Association of Research Scientists dan dikoordinasi bersama Agensi Nuklear Malaysia telah diadakan di Hotel Grand Darul Makmur pada 28 dan 29 Oktober 2024. Seminar ini memberi tumpuan kepada perbincangan penting dalam sains bahan, ujian integriti, dan kelestarian infrastruktur dalam sektor kejuruteraan, tenaga, dan pembinaan di Malaysia.



Gambar 1: Dr. Ilham Mukriz Zainal Abidin (Presiden MSNT) dan Pn. Salbiah Hussein (JPK) dalam mesyuarat ISO/TC 135 (NDT) yang mewakili Standard Malaysia di Incheon, Korea Selatan.



Gambar 2: Wakil MSNT iaitu Dr. Khazali Hj. Mohd Zin dan Dr. Ab Razak Hamzah di Bengkel Sesi Libat Urus untuk Peningkatan SPKM Tahap 6 Hingga Tahap 8

## 2.3. ASIAN WeldTech16 2024

MSNT telah mewakili Dr. Ab Razak Hamzah pada majlis perasmian 16th Asian Welding Technology & Its Application Seminar/Forum/Exhibition (ASIAN WeldTech16 2024), yang dianjurkan oleh Malaysian Welding & Joining Society (MWJS) dan UniKL-MFI pada 6-7 November 2024, di UniKL-MFI, Bandar Baru Bangi. Acara ini mempamerkan inovasi terkini dalam teknologi kimpalan dan menawarkan peluang berharga bagi profesional industri untuk berhubung dan berkongsi pengetahuan.



Gambar 3: Sesi pembukaan acara 20<sup>th</sup> WCNDT



Gambar 4: Wakil MSNT menghadiri Perhimpunan Agung ke-44 International Committee for Non-destructive Testing (ICNDT)



Gambar 5: Ahli Lembaga Pengarah MSNT, En. Alamin Pardi, Dr. Ab Razak Hamzah dan En. Shahfuan Hanif Ahmad Hamidi hadir di seminar berkenaan



Gambar 6: Dr. Ab Razak Hamzah bersama En. Shaharudin Kambari (Presiden MWIS) dan juga En. Shahfuan Hanif Ahmad Hamidi (UniKL-MFI) di Asian WeldTech16-2024

#### 2.4. 34th Annual Conference & Exhibition on NDE & Enabling Technologies (NDE 2024)

- i. MSNT dengan bangganya telah mengambil bahagian dalam NDE 2024 Conference & Exhibition yang berprestij, acara ini dianjurkan oleh Indian Society for Non-Destructive Testing (ISNT) telah diadakan dari 12 hingga 14 Disember 2024, di Chennai Trade Centre, Tamil Nadu, India. Acara unggulan ini mempamerkan kemajuan dan inovasi terkini dalam bidang NDT.

- ii. Delegasi MSNT terlibat dalam perbincangan utama, menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Lembaga APFNDT dan menyumbang dalam dialog mengenai pensijilan berfokuskan industri dan amalan penyeragaman dalam bidang NDT.



Gambar7: Delegasi MSNT mewakili Malaysia di NDE 2024

## 2.5. SINCE2025

MSNT telah menyertai 5th Singapore International NDT Conference & Exhibition (SINCE2025) yang telah berlangsung pada 27 dan 28 Februari 2025 di Holiday Inn Atrium, Singapura. Dianjurkan oleh Non-Destructive Testing Society Singapore (NDTSS), SINCE2025 berfungsi sebagai platform utama bagi profesional industri, penyelidik, dan pengamal untuk bertukar idea, mempamerkan kemajuan teknologi, dan membincangkan penyelesaian inovatif untuk NDT/NDE.



Gambar 8: Majlis pembukaan SINCE2025

MSNT juga telah menghadiri Perhimpunan Agung APFNDT selari dengan penganjuran SINCE2025. MSNT dan Indonesian Society for Non-Destructive Testing (MUTRI) telah secara rasmi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) semasa Perhimpunan Agung ini.



Gambar 9: Perhimpunan Agung APFNDT



Gambar 10: Sesi penandatanganan MoU antara MSNT dan MUTRI

### 3. Alamat Surat Menyurat

Tempat operasi persatuan masa ini adalah di Agensi Nuklear Malaysia. Segala surat menyurat dan pertanyaan berkenaan urusan MSNT bolehlah di alamatkan kepada Setiausaha MSNT, Industrial Technology Division, Block 29T, Agensi Nuklear Malaysia, Bangi, 43000 Kajang, Selangor (no. tel: 03-89112000) atau emelkan kepada Dr. Khairul Anuar bin Mohd Salleh di [secretary@msnt.org.my](mailto:secretary@msnt.org.my) atau [contacts@msnt.org.my](mailto:contacts@msnt.org.my).

### 4. Mengemaskinikan Keahlian

#### 2.2.1 "Article V Section 3-Renewal of Membership

2.2.1.1 All membership in the Society is due for renewal on the first January of each year.

